

TEKS UCAPAN YANG DIPERTUA
SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN
PENGURUSAN STESYEN PEMINDAHAN AMPANG JAJAR
22 MEI 2012 (SELASA)
9.00 PAGI
DEWAN KENANGA, IBU PEJABAT
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

Terima kasih Pengacara Majlis.....

Yang Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan
Lalulintas

Yang Berusaha Encik Johari Bin Hakim

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berbahagia Puan Mariam Bt Zainudin

Pengurus EESB

Yang Berbahagia Puan Shafiza Bt Abu Bakar

Penolong Pengurus EESB

Yang Berbahagia Encik Kuay Yeo

Yang turut hadir pada pagi ini dan

Yang Bahagia Encik Mubarak

Mewakili YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum wbth...

Dan Salam Sejahtera.....

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah

Subhanahuwataala kerana dengan limpah kurnia dan keizininannya kita diberi

kesempatan dan peluang untuk berkumpul bersama-sama pada pagi ini bagi

menjayakan Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Stesyen

Pemindahan Ampang Jajar.

Saya juga ingin mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada YB

Tuan Chow Kuan Yeow kerana sudi hadir pada pagi ini.

Tuan-Tuan/Puan-Puan sekalian,

Tujuan pembinaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar adalah untuk dijadikan tempat pengumpulan dan pemampatan sisa pepejal yang dikutip dari sekitar kawasan Seberang Perai Utara dan sebahagian kawasan dari Seberang Perai Tengah sebelum ini dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk tujuan proses pelupusan. Kaedah ini telah dipraktikkan oleh MPSP kerana ia dapat menjimatkan kos pengangkutan, gunatenaga dan dapat memaksimumkan tempoh kutipan sisa pepejal di lapangan.

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar mula beroperasi pada 01 Januari 2004 di bawah seliaan Syarikat Idaman Bersih Sdn. Bhd. (IBSB) melalui konsep 'Build Operate Transfer' (BOT) dengan kapasiti penerimaan sisa pepejal sebanyak 350 ton sehari. Kontrak yang telah tamat pada 31 Disember 2008 telah disambung perkhidmatan sehingga 31 Julai 2011.

Setelah tempoh kontrak bersama Syarikat Idaman Bersih Sdn. Bhd (IBSB) tamat, Syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd.(EESB) telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan Stesen Pemindahan Ampang Jajar mulai 01 Ogos 2011 untuk tempoh selama 18 tahun. RM 330,000 sebulan untuk 18 tahun dengan ini berjumlah RM 3.96 juta setahun juga bersamaan RM 71.28 juta untuk tempoh 18 tahun.

Buat masa sekarang, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar merupakan stesen gunasama diantara MPSP dan MPPP sejak kemudahan stesen pemindahan MPPP di Batu Maung ditutup kerana proses pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar beroperasi 24 jam sehari dan 365 hari setahun. Bagi melancarkan perjalanan operasi, penyusunan waktu telah dilakukan bagi mengelak pertembungan penerimaan sisa pepejal dari kawasan pulau iaitu MPPP dengan MPSP. Waktu operasi bagi MPSP adalah bermula dari jam 7.00 pagi hingga jam 7.00 malam, manakala waktu beroperasi bagi MPPP bermula jam 7.00 malam hingga jam 7.00 pagi berikutnya.

Secara puratanya, Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar menerima dan memproses 500 ton sisa pepejal dengan 220 trip pengangkutan dari MPSP dan 650 ton dengan 300 trip pengangkutan daripada MPPP pada setiap hari.

Selain itu, kemudahan-kemudahan yang terdapat di Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar adalah seperti:

- *Silo berth* = 6 buah
- *Prime mover* = 14 buah
- *Station Truck* = 6 buah (3 – Ampang Jajar, 3- Pulau Burung)
- *Silo* = 30
- *Kompaktor* = 2
- *Weight Bridge* = 2
- *Ramp* = 2

Sejak Syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd.(EESB) menguruskan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar, beberapa penambahbaikan telah dijalankan. Diantaranya;

- Menambah bilangan '*Ramp*' dari satu (1) kepada dua (2) bagi kemudahan laluan sehala.
- Mengadakan sistem rawatan leachate kedua (*secondary leachate treatment*) bagi merawat leachate yang terhasil dari mampatan sampah serta air basuhan kenderaan stesen. Sistem ini mampu merawat leachate sehingga 20 m³ sehari.

- Menambah bilangan '*Weight Bridge*' dari satu (1) kepada dua (2) bagi kemudahan timbangan masuk dan timbangan keluar.
- Mengadakan sistem kawalan bau dan habuk secara mekanikal bagi mengurangkan masalah bau dan habuk di stesen.
- Mengadakan '*Fleet Management System*' dengan kemudahan *GPS* bagi memantau pergerakan *prime mover* dari Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Ampang Jajar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung.
- Memasang CCTV bagi kemudahan pemantauan operasi di kawasan stesen.
- Ruang pejabat dan bengkel MPSP yang lebih selesa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis- Ahli Majlis, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri dan menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Pengurusan Stesen Pemindahan Ampang Jajar pada pagi ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

Terima Kasih.